

13/06/1999

Dampingi generasi muda untuk masa depan

KIAU kerap dengar orang berkata, permulaan kepada penyelesaian sesuatu masalah ialah dengan mengakui wujudnya masalah.

Sebab itulah doktor, sebelum dia mengubati pesakit, dia bertanya dahulu pesakit itu untuk memastikan setepat yang boleh penyakit yang dideritainya.

Berdasarkan ini, Kiau berasa lega apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui bahawa Umno mengabaikan golongan muda, khususnya penuntut institusi pengajian tinggi.

Menjawab soalan dalam program Asia Tonight terbitan stesen televisyen CNBC yang berpangkalan di Singapura Rabu lalu, Dr Mahathir berkata: "Kami telah abaikan mereka (belia), itu saya akui. Kami tidak pergi ke universiti dan mengganggu mereka kerana mereka hendak belajar. Tetapi pihak pembangkang menghabiskan masa di universiti, malah tidur di universiti untuk mendapatkan sokongan belia.

"Belia pula berasakan kami mengabaikan mereka. Sebenarnya kami mengambil berat pelajaran mereka, tetapi kini kami perlu berkomunikasi dengan mereka. Apabila mereka tahu mengenai hakikat sebenar, saya rasa mereka akan menukar pendirian terhadap kami."

Kiau rasa tidaklah perlu pemimpin atau wakil kerajaan berdamping dengan pelajar sampai tidur di kampus. Cukuplah dengan mereka menerima jemputan pelajar ke majlis di universiti atau mengadakan projek tertentu dengan pelajar.

Yang Kiau lihat ialah bila Dr Mahathir ke luar negara dan berjumpa dengan pelajar Malaysia di sana, ramailah pemimpin politik yang tumpang sekaki.

Apabila pelajar menyambut baik ucapan Dr Mahathir atau berdialog mesra dengan mereka, maka pak-pak turut ini pun teruslah memuji Dr Mahathir.

Malangnya, bagi kebanyakan mereka, semangat mereka sampai di situ sajalah. Mereka sendiri jarang sangat masuk kampus berdamping dengan pelajar.

Lebih teruk lagi, apabila dijemput mereka kata akan hadir tetapi apabila sampai masanya kelibat mereka pun tak nampak. Kononnya mereka sibuk dan hantar wakil yang tidak tahu hujung pangkal tujuan mereka hadir.

Lain halnya dengan pembangkang. Mereka menjadikan universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain sebagai sasaran utama. Apabila ada jemputan mereka menghantar wakil yang terbaik untuk memikat hati pelajar.

Tak hairanlah apabila berlaku perdebatan, wakil parti kerajaan nampak tak bersedia dan tak berdaya.

Kiau tidaklah mahu universiti dipolitikkan, tapi adalah menjadi kewajipan pemimpin mendampingi pelajar untuk memberi penerangan mengenai pelbagai dasar negara dan hal.

Sama ada pelajar memilih untuk menyokong kerajaan atau tidak, itu hak mereka. Kiau yakin kalau kerajaan dan parti kerajaan bersungguh-sungguh dan menghantar wakil yang berkalibar, penuntut akan memahami dan menerima dasar yang baik.

Apabila mereka dewasa dan menjadi pengundi, mudahlah mereka membuat keputusan tanpa dipengaruhi atau diperkotakkatikkan oleh dakyah politik.

Kiau fikir inilah tugas besar lagi berat yang harus dipikul oleh pergerakan-pergerakan pemuda parti kerajaan. Bukan berkempen dan berpolitik sesama sendiri saja.

Bukan bercakap mengenai projek dan kontrak saja atau bercakap kosong di

coffee house di Kuala Lumpur.

Kalau golongan muda menolak kerajaan, merekalah yang sebenarnya menghadapi bahannya kerana tanpa sokongan golongan muda, pudarlah masa depan mereka sebagai ahli politik.

Kiau gembira mendengar sasaran perjuangan dan kegiatan pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein mulai sekarang ialah membina keyakinan dan sokongan golongan muda.

Kiau harap beliau sudah belajar daripada pengalaman yang dilalui oleh Pemuda Umno yang pada pandangan Kiau terlalu mirip kepada politik dan perniagaan sehinggalah lupa perjuangan pergerakan itu.

Ada antara mereka yang jadi kaya-raya, tetapi Pemuda dan parti terbengkalai. Kiau tidak halang Pemuda berpolitik dan sedikit sebanyak bergiat dalam ekonomi, tetapi mereka kenalah ingat, yang lebih utama ialah mendapatkan semula sokongan golongan muda.

Kiau menaruh harapan yang besar terhadap pemimpin muda seperti Hishammuddin dan rakan-rakannya dalam pergerakan Pemuda.

Pemuda akan perkasa hanya jika mereka bersedia belajar daripada pengalaman dan memenuhi segala janji. Tidak salah kalau mereka mengembalikan idealisme ke dalam perjuangan mereka asalkan terus berpijak di bumi nyata.

(END)